

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 23/08/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 8

Tajuk : Pakej Kasih Sayang galak ahli ANGKASA tunai ibadah umrah

# Pakej Kasih Sayang galak ahli Angkasa tunai ibadah umrah

Kosmo  
23/08/2019  
(M/S 8)

**KUALA LUMPUR** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melancarkan pakej Kasih Sayang kepada ahli koperasi untuk memudahkan mereka menunaikan ibadah umrah di Tanah Suci melalui skim potongan gaji.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pakej itu menawarkan dua kaedah kepada ahli koperasi.

"Pertama, pergi umrah dulu bayar kemudian. Pinjaman akan dibuat daripada koperasi untuk bayaran sebelum gaji dipotong.

"Kedua, bayar dulu pergi kemudian. Duit simpanan akan dipotong melalui skim potongan gaji setiap bulan sebelum berangkat ke Tanah Suci," katanya selepas melancarkan Program Umrah Koperasi Bersama Angkasa di sini semalam.

Pada majlis itu, Abdul Fattah menandatangani memorandum



**ABDUL FATTAH** (tiga dari kiri) dan **Azman** (dua dari kanan) bertukar dokumen pada majlis menandatangani MoU di Kuala Lumpur semalam.

persefahaman (MoU) dengan syarikat pengendali umrah, Eco Riths Leisure Travel & Tours Sdn. Bhd. yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Azman Ibrahim.

Dalam pada itu, Abdul Fattah

berkata, selain memudahkan ahli koperasi mengerjakan umrah, pakej tersebut bertujuan memberi jaminan keselamatan kepada jemaah agar selamat daripada risiko ditipu.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA